



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (1) Mei 2024 (001-014)

Pembelajaran Interaktif Bahasa Melayu Era Covid-19 di Universiti Pengajian Asing Guangdong, China

¹, Zaiton Zakarya, ²Salinah Ja'afar,
³Mardian Shah Omar & ⁴Wan Jun Li

¹zaitonzakaryagdufs@gmail.com, ²b1salina@um.edu.my,
³mardianso@um.edu.my, & ⁴liwanjun@gdufs.edu.cn

^{1,2,3} Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

^{1,4} Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Budaya Asia,
Universiti Pengajian Asing Guangdong, 510420, Guangzhou, China.

Tarikh terima : 03 Mac 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 Mac 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2024
Published online

Abstrak

Pandemik Covid-19 yang tersebar ke seluruh dunia ini telah merubah landskap kehidupan manusia termasuklah dalam bidang pendidikan. Kesan daripada penularan Covid-19 ini, Republik Rakyat China telah melaksanakan arahan agar pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara maya. Lanjutan daripada itu, pelbagai kaedah dan strategi penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan. Artikel ini membincangkan kepelbagaian kaedah dan strategi mengajar secara interaktif yang digunakan oleh pensyarah dan mahasiswa serta keberkesanannya sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara maya berlangsung. Reka bentuk kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu melalui kaedah tinjauan dan temu bual terhadap 23 orang pelajar Jurusan Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS), China. *Tencent Meeting* (VooV) merupakan aplikasi utama yang digunakan dalam pengendalian kuliah bahasa Melayu secara maya di GDUFS. Keberkesanan PdP interaktif ini dilihat berada pada tahap memuaskan akibat kekangan daripada kemampuan capaian kelas maya, kurang interaksi dua hala, dan kurangnya penghayatan di dalam kelas. Kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada semua bagi memastikan PdP secara maya dapat dilaksanakan dengan lebih efektif di samping meningkatkan mutu dan tahap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing di negara China.

Kata kunci: Bahasa Melayu, mahasiswa China, pandemik Covid-19, pembelajaran interaktif, pembelajaran maya.

Interactive Learning on The Malay Language During Covid-19 Era at Guangdong University of Foreign Studies, China

Abstract

The COVID-19 pandemic, which has spread across the world, has transformed the landscape of human life, including the field of education. As a result, the People's Republic of China has instructed teaching and learning to be implemented virtually. Further to that, a variety of methods and strategies for delivering education have been implemented. This article explores the diversity of interactive teaching methods and strategies used by lecturers and students, as well as their effectiveness in the virtual instruction of the Malay language. The design of this study was qualitative design, utilizing surveys and interviews with 23 students from the Malay Language

Department at Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS) in China. Tencent Meeting (VooV) is the main application used in the operation of virtual classrooms at GDUFS. The effectiveness of the interactive Teaching and Learning (PdP) is deemed satisfactory despite challenges such as limited access to virtual classes, lack of two-way interaction, and lack of appreciation in the classroom. It is hoped that this study can provide input in ensuring virtual teaching and learning can be implemented more effectively while improving the quality and level of learning Malay as a foreign language in China.

Keywords: Malay language, Chinese students, Covid-19 pandemic, interactive learning, virtual lectures.

1. Pengenalan

Pandemik Covid-19 yang mula melanda negara China sejak penghujung Disember 2019 telah mengubah segala-galanya termasuk dalam bidang kesihatan, pendidikan, ekonomi, dan sosial. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengkategorikan situasi penularan Covid-19 sebagai pandemik kerana wabak ini merupakan penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia dan merentasi kawasan yang luas hingga melepasi sempadan negara dan benua, malah hingga ke seluruh negara. Sebelum tersebarinya pandemik ini, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong dijalankan secara bersemuka antara pensyarah dan mahasiswa di dalam bilik kuliah. Namun, setelah munculnya pandemik Covid-19 ini, pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah telah berubah kepada pembelajaran secara maya (*online learning*) sepenuhnya. Hal ini disebabkan perintah kawalan pergerakan yang diarahkan oleh pemerintah kedua-dua negara bagi mengekang penyebaran wabak ini.

Langkah-langkah kuarantin di negara China dan Malaysia ini telah menyebabkan penutupan sempadan negara dan penutupan institusi pendidikan. Sebagai tindak balas terhadap penutupan institusi pendidikan ini, *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)* telah mengesyorkan penggunaan program pembelajaran jarak jauh dan membuka beberapa aplikasi dan platform pendidikan yang boleh digunakan untuk meneruskan aktiviti pembelajaran. Negara China yang menghadapi pandemik Covid-19 pada peringkat awal telah memperkenalkan satu polisi baharu, iaitu "*stop classes but don't stop learning*" semasa perintah berkurung. Hal ini menggambarkan bahawa pendidikan amat penting dan harus berjalan walaupun perintah berkurung dijalankan.

Kuliah secara maya ini merupakan satu kaedah alternatif yang telah diguna pakai oleh kebanyakan pendidik dan pelajar sejak berlakunya pandemik Covid-19 ini bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran ini berlangsung dengan sesuai mengikut keperluan semasa, beberapa kaedah pembelajaran perlu ditambah baik dan diubah suai. Menurut Harlina, Zubaidah & Ainee (2017) pembelajaran interaktif memberi penekanan kepada interaksi dua hala dalam proses pembelajaran konvensional ataupun antara pelajar dengan sistem dalam pembelajaran berbantuan komputer. Hal ini kerana pembelajaran interaktif dapat diperoleh berdasarkan bahan rangsangan sama ada rangsangan dalam bentuk ataupun dialog, tutorial, dan maklum balas jawapan. Dengan melakukan aktiviti pembelajaran interaktif sedemikian, perkara tersebut dapat mengarah kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat sendiri dengan menggunakan seluruh instrumen pembelajaran. Pembelajaran interaktif memberi impak pembelajaran atau peluang yang luas kepada pelajar menerusi penglibatan aktif pelajar, kolaboratif dan menggalakkan pembelajaran seumur hidup. Pembelajaran maya yang dijalankan ini perlu bersifat interaktif bagi menarik minat pelajar. Mazlina et al. (2023) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di universiti Hankuk, Korea diteruskan semasa Covid-19 dengan mengaplikasikan teknologi dan media bukan sahaja memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran malah dapat membantu pelajar berkomunikasi secara maya dengan pensyarah.

Menurut Nur Aisyah et al. (2012), perkembangan dalam teknologi multimedia dekad ini telah membuka peluang yang lebih besar dalam merubah cara pembelajaran, memperoleh, dan mengaplikasikan maklumat dalam ilmu pengetahuan. Tambahan pula, pembelajaran multimedia turut membuka ruang kepada pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran, manakala murid

diberi peluang untuk bergerak lebih aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran interaktif e-learning, pendekatan pembelajaran bergerak secara aktif terhadap pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara penggunanya, iaitu antara pengguna dengan pengguna yang lain melalui komputer, atau antara pelajar dengan pensyarah. Konsep ini membuatkan pelajar akan menyusun atur cara untuk menggunakan pembelajaran interaktif ini yang menjimatkan tenaga dan masa untuk menghasilkan pembelajaran sendiri yang berkualiti dan lebih efektif.

Di bawah kepimpinan Kementerian Pendidikan China, *Massive Open Online Course* (MOOC) telah mula berkembang di China sejak tahun 2013. Sehingga tahun 2018, sebanyak 490 kursus MOOC telah diakui sebagai MOOC China Pilihan Yang Pertama. Pada tahun 2019, 801 kursus MOOC lagi diakui sebagai MOOC China Pilihan Yang Kedua. Sehingga hujung tahun 2019, sebanyak 12500 kursus MOOC telah ditawarkan dalam talian. Lebih daripada 200 milion mahasiswa ataupun pelajar telah mendaftar, dan lebih kurang 65 milion mahasiswa mendapat kredit daripada MOOC. Pada 9 April 2019, China MOOC *Conference* dirasmikan di Beijing. Seramai 600 orang lebih wakil dari pelbagai institusi pendidikan tinggi yang menawarkan MOOC China telah menyaksikan pengisytiharan Kenyataan Pelaksanaan MOOC China. Kenyataan ini telah menjelaskan bahawa selaras dengan perubahan yang ketara dalam pendidikan tinggi di seluruh dunia, ahli-ahli bidang pendidikan tinggi di China telah mencapai tiga kata sepakat, iaitu;

1. Belajar perubahan sebelum sesuatu perkara berlaku. Sebagai pusat sumber tenaga, inovasi teknologi dan kajian kemanusiaan, semua universiti di China perlu mempelajari revolusi teknologi global dan revolusi industri seawal mungkin sebelum perubahan berlaku yang ketara.
2. Bertindak aktif terhadap perubahan. Tema bagi meningkatkan mutu dan mendorong keadilan merupakan tugas pendidikan tinggi global abad ke-21. Semua universiti di China perlu bertindak secara aktif bagi menghadapi perubahan kerana era Internet sudah tiba.
3. Inisiatif dalam diri sendiri. Internet mengubah pendidikan, kemampuan komputer menginovasi pendidikan, internet dan kemampuan komputer telah membawa perubahan pantas yang luar biasa. Semua universiti di China perlu mengambil inisiatif secara aktif sehingga boleh menghadapi perubahan dalam perkembangan inovasi di seluruh China.

Pelan Pemodenan Pendidikan China telah menyiapkan cetakan biru dan objektif untuk pendidikan tinggi. Bagi menghadapi masa hadapan kelak, MOOC China mempunyai 5 visi, iaitu membangun secara adil dan saksama, membangun dengan berkongsi, membangun melalui perkhidmatan, membangun melalui inovasi, dan membangun dengan kerjasama.

1.1 Permasalahan Kajian

Wabak Covid-19 yang melanda dunia lebih membuka mata semua bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk digital amat diperlukan agar lebih efisien dan senang untuk digunakan. Selain itu, sesuai dengan peredaran zaman yang serba canggih ini, bahan-bahan pengajaran yang memanfaatkan multimedia sangat berguna untuk menarik minat para pelajar. Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016) turut menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Melayu berasaskan multimedia boleh digunakan sebagai satu usaha untuk menarik minat pelajar asing menguasai bahasa Melayu. Satu perisian yang boleh dibangunkan ialah aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih ialah aplikasi perisian yang dibangunkan khusus untuk digunakan pada peranti pengkomputeran kecil, seperti telefon pintar dan tablet, bukan untuk komputer meja atau komputer riba (Nur Hafizah Razali & Fariza Khalid, 2021). Sehingga kini, aplikasi mudah alih yang dibangunkan berkaitan bahan pengajaran bahasa Melayu masih tidak mencukupi khususnya kepada pelajar asing terutamanya pelajar di China. Oleh itu, para pelajar masih bergantung sepenuhnya dengan pembelajaran di dalam kelas, merujuk buku, dan pencarian melalui Internet bagi mempelajari bahasa Melayu. Pembelajaran interaktif pada zaman ini dilihat perlu seiring dengan kemajuan teknologi hari ini.

Kekurangan kemudahan aplikasi mudah alih ini menyebabkan pelajar hanya berpeluang belajar secara tradisi seperti menuntut ilmu secara bersemuka dengan tenaga pengajar. Landskap pembelajaran dengan hanya mempelajari dari buku dan membuat latihan juga tidak cukup untuk memastikan pelajar

asing ini terus dan bertambah minat mempelajari bahasa Melayu. Sharpless, Taylor & Vavoula (2007) menegaskan bahawa penggunaan peranti mudah alih dapat membentuk pedagogi yang inovatif berbanding bentuk yang lain. Penggunaan aplikasi mudah alih juga dapat merangsang minat dan motivasi pelajar kerana mudah digunakan melalui telefon pintar selain dapat belajar secara sendiri. Hal ini disokong oleh Mardian Shah Omar & Mashrom Muda (2019) bahawa pelajar lebih mudah untuk memahami bahasa Melayu melalui penggunaan aplikasi mudah alih. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk berusaha dalam membangunkan dan menambahkan lagi pelbagai aplikasi mudah alih berkaitan pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing bagi menjadikan pembelajaran pada masa hadapan lebih berkesan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Pengajian Asing Guandong, China era pandemik Covid-19. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu;

- I. Mengkaji kaedah dan strategi PdP dan penglibatan pelajar semasa kuliah bahasa Melayu berlangsung.
- II. Menganalisis keberkesanan inovasi PdP interaktif bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di GDUFS.

2. Sorotan Literatur

Pada 9 hingga 11 Disember 2020, untuk menghadapi cabaran Covid-19 dan menunjukkan hasil perkembangan MOOC China sejak tahun 2019, Tsinghua Universiti dan UNESCO IITE (The UNESCO Institute for Information Technologies in Education) telah bergabung sebagai tuan rumah dalam menganjurkan Global MOOC Conference di Beijing. Menteri Pendidikan China Encik Chen Baosheng telah membentangkan laporan tersebut. Ketua Jabatan UNESCO IITE Encik Zhan Tao membentangkan Kenyataan Beijing Pembangunan MOOC. Sebagai hasil kajian MOOC setakat ini, buku *World Moocs Development Report* diterbitkan oleh *Foreign Language Teaching and Research Press* pada bulan Mac 2021. Perkembangan MOOC yang terkini di 17 buah negara telah dikaji oleh laporan tersebut, termasuk di negara China, Amerika Syarikat, India, Jepun, Malaysia, Korea, dan sebagainya. Li Wanjun dari Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) telah menulis bab tentang di Malaysia. Bab ini telah memperkenalkan sejarah perkembangan MOOC Malaysia dan situasi terkini selepas wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, dalam bidang MOOC bahasa asing, secara keseluruhannya, kajian sarjana China kini masih berfokus kepada kursus MOOC untuk bahasa yang popular sahaja, misalnya bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jepun, dan lain-lain. Dari segi disiplin, lebih banyak artikel kajian kes dengan metodologi linguistik diterbitkan. Hasil kajian yang bersifat multidisiplin masih lagi kurang.

Kewujudan MOOC pada peringkat awalnya bukan ciptaan yang sengaja. Profesor Sebastian Thrun, bersama dengan kawan sekerjanya Peter Norvig membuka kursus di Stanford University, *Introduction to AI* kepada pelajar mereka serta semua pengguna Youtube di seluruh dunia. 10 hari kemudian, Profesor Thrun mengumumkan beberapa kaedah untuk mengikuti kursus dalam talian ini. Satu bulan kemudian, dua lagi kursus dalam talian oleh dua orang profesor lain dari Stanford dibuka. Selepas itu, seramai 160 ribu orang pelajar dari 190 negara telah mendaftar kursus *Introduction to AI* tersebut. Ketika tempoh tersebut, MOOC belum diketahui orang ramai. Pada tahun 2012, ia dianggap sebagai Titik Era Baharu MOOC. Platform Coursera telah dibuka pada 18 Januari tahun ini. Slogannya berbunyi “Berusaha untuk Menyediakan Pendidikan Percuma yang Terbaik di Seluruh Dunia”. Pada tahun yang sama, Pusat Perkongsian Kursus Institusi Pendidikan Tinggi Shanghai telah ditubuhkan. Sehingga 8 September 2020, Kementerian Pendidikan China telah mengemukakan Deklamasi Tindakan MOOC China. Perkembangan MOOC di China telah berkembang dengan cepat dan aktif. Setakat April 2019, sudah ada 200 milion lebih pelajar di seluruh China yang telah mengambil bahagian dalam pembelajaran melalui MOOC, antaranya termasuklah 65 milion orang mendapat kredit MOOC. Pencapaian ini dikatakan agak besar dan memberangsangkan.

Dalam kajian Park (2008) yang bertajuk *iLED: Interactive Learning Experience Design*, beliau telah mengemukakan kerangka pedagogi yang disebut Reka Bentuk Pengalaman Pembelajaran Interaktif berdasarkan pengalaman pembelajaran interaktif. Menurutnya, cara seseorang guru mengenal pasti tindak balas setiap pelajar dalam persekitaran pembelajaran dalam talian amat penting bagi menjadikan sesuatu pedagogi itu berkesan. ILED berkonsepkan persekitaran pembelajaran interaktif dalam talian, ia bukan sahaja mencadangkan cara yang berkesan untuk menyampaikan kandungan pembelajaran, tetapi turut melibatkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dan kreatif. Pelajar dapat menyumbang dan berkongsi pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman mereka dengan pelajar lain sehingga membolehkan mereka mendekati kandungan dari pelbagai perspektif, dan sering membina sendiri. Hal ini dapat memperkayakan pengalaman pelajar dan meningkatkan kualiti kandungan pembelajaran dengan penyertaan dan maklum balas yang aktif. Selepas meletusnya Covid-19 ini, penggunaan ICT dilihat semakin bertambah baik dan bergerak pantas. Kemunculan budaya pasca-modern dan penggunaan ICT telah mendorong sektor pendidikan tinggi melakukan perubahan dari bersifat konvensional kepada nilai-nilai yang baharu. Pendidikan tinggi perlu merancang semula cara penyampaian agar sesuai dan seiring dengan keadaan semasa termasuklah pembelajaran interaktif, hasil pembelajaran yang praktikal, persekitaran pembelajaran yang fleksibel, penerimaan pelajar, dan pendidikan yang bersesuaian.

Selain itu, banyak kajian pembelajaran secara maya dalam kalangan pelajar di Malaysia dilakukan. Antaranya termasuk kajian Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat (2020), Nor Sahara Mesman & Zurkarnain Abd. Majid (2021), dan Mohamad Ikmal Abdul Aziz, Marzni Mohamed Mokhtar, Md Mustakim Md Usman & Mohamad As Syafie Aziz (2022), dan Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan, & Ch'ng Pei Eng (2020). Kebanyakan kajian mereka melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian secara maya yang menggunakan beberapa aplikasi misalnya Whatsapp, Zoom, Google Meet dan Telegram. Kajian Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat (2020) menunjukkan penggunaan Whatsapp merupakan medium utama dalam berkongsi bahan pengajaran. Sebaliknya, bagi negara China, kebanyakan aplikasi yang digunakan di Malaysia tidak dapat diakses di negara tersebut. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan medium dan kaedah yang digunakan dalam strategi pembelajaran interaktif dan keberkesannya dalam kalangan pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian ini melihat dari perspektif kedua-dua negara yang menjalankan kuliah secara maya yang menggunakan aplikasi Tencent Meeting dan Wechat. Pensyarah dilihat memainkan peranan penting bagi memastikan kuliah lebih berinteraktif dan dapat menarik minat pelajar semasa PdP berlangsung.

3. Metodologi

Kajian ini telah memilih pendekatan kualitatif deskriptif. Penyelidik menjalankan tinjauan sepanjang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara maya yang bermula sejak bulan September 2021 hingga bulan Januari 2023. Selain itu, temu bual turut dijalankan terhadap mahasiswa bagi mendapatkan maklumat tambahan yang lebih terperinci. Kajian ini memperoleh data melalui tinjauan, temu bual, dan kajian kepustakaan. Metodologi kajian merupakan satu aspek yang amat dititikberatkan kerana hasil kajian ini merupakan fakta dan pernyataan yang boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik pada masa akan datang. Kaedah dan medium semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa mengajar bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa China turut diuraikan. Kajian ini dijalankan di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) yang terletak di selatan China. Pengumpulan data ini berdasarkan pengalaman penyelidik, pensyarah, dan maklum balas daripada mahasiswa.

Temu bual atau yang dikenali dengan istilah interview adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih. Metode ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan bertanya secara langsung kepada responden (Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi, 1995). Akibat daripada pandemik Covid-19, sesi temu bual ini terpaksa dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Tencent Meeting*. Menurut Patton (1980), kaedah temu bual adalah satu cara untuk mendekati responden dan memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Sesi temu bual dalam talian diadakan bersama 23 orang pelajar yang sedang belajar bahasa Melayu di

negara China. Temu bual ini diadakan menggunakan platform Tencent Meeting. Temu bual ini diadakan bertujuan untuk membincangkan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar semasa kuliah secara maya berlangsung. Sebelum sesi temu bual dijalankan, penyelidik telah menyediakan soalan-soalan berstruktur bagi mendapatkan maklumat dan pandangan mereka dengan lebih jelas dan terperinci. Kajian kepustakaan juga merupakan satu kaedah yang penting bagi rujukan penyelidik. Kajian ini merujuk maklumat daripada bahan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel, berita, laman web, kertas prosiding, dan seminar. Sumber yang diperoleh ini menjadi panduan bagi perbincangan selanjutnya.

Peserta

Tinjauan ini melibatkan 23 orang pelajar yang mengambil kursus Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS). Pelajar terdiri daripada pelajar tahun 1 dan pelajar tahun 2. Pelajar tahun 1 yang terlibat ialah 11 orang manakala pelajar tahun kedua ialah 12 orang. Sebanyak 7 orang pelajar lelaki dan 16 orang pelajar perempuan terlibat. Pelajar ini datang daripada beberapa provinsi seperti provinsi Guangdong, Jiangxi, dan Yunnan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dalam konteks pembelajaran secara maya ini, pendekatan pembelajaran bergerak secara aktif terhadap pengaliran maklumat dua hala antara pensyarah dan pelajar. Penggunaan internet dan komputer amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran hari ini. Pendekatan interaktif yang berpusatkan pelajar ini dapat menjadikan pelajar lebih berusaha dan bergerak aktif bagi mendapatkan sesuatu maklumat dan ilmu pengetahuan. Pelaksanaan kaedah interaktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai dalam pembelajaran ini menyebabkan pelajar lebih fokus dan tidak bosan. Kurikulum Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) berjalan seperti biasa walaupun kuliah dijalankan secara maya. Di GDUFS, mahasiswa perlu mengikuti pelbagai kuliah bahasa Melayu yang telah disusun oleh pihak jabatan dan fakulti.

Pada tahun ketiga semester pertama, mahasiswa akan mengikuti program pertukaran pelajar atau pemindahan kredit di Malaysia sama ada di Universiti Malaya mahupun di Universiti Sains Malaysia. Namun, akibat pandemik Covid-19 ini, mahasiswa tidak dapat mengikuti program pertukaran kredit ke mana-mana universiti di Malaysia. Sebahagian skop dan isi kandungan dalam kursus-kursus bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Melayu, GDUFS yang mengikuti kuliah dalam talian sepanjang pandemik Covid-19, iaitu Semester 2 sesi 2019/2020 hingga Semester 2 2020/2021 adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Kursus Bahasa Melayu yang Dijalankan dalam Talian Sepanjang 3 Semester

Tahun / Semester	Subjek
2019/2020 Semester 2	1. Bahasa Melayu Audio Visual 1 2. Bahasa Melayu Lisan 1 3. Bahasa Melayu 4 4. Bahasa Melayu Pelancongan 5. Penulisan Latihan Ilmiah
2020/2021 Semester 1	1. Bahasa Melayu 1 2. Bahasa Melayu Lisan 2 3. Bahasa Melayu Audio Visual 2 4. Bahasa Melayu 3 5. Penterjemahan Lisan Bahasa Melayu 1 6. Bahasa Melayu Tinggi 1
2020/2021 Semester 2	1. Bahasa Melayu 2 2. Bahasa Melayu Lisan 1 3. Bahasa Melayu Audio Visual 1 4. Bahasa Melayu Pelancongan 5. Bahasa Melayu Audio Visual 3 6. Tatabahasa Bahasa Melayu 7. Kesusasteraan Bahasa Melayu 1

Misalnya bagi subjek Bahasa Melayu Lisan 1, buku teks dalam bentuk PDF digunakan sebagai rujukan utama. Buku ini merupakan bahan pengajaran utama yang menjadi panduan semasa kuliah berlangsung. Lampiran QR audio bagi setiap topik pelajaran juga disediakan bagi membolehkan pelajar mendengar audio tersebut pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Di samping buku teks ini, pensyarah turut menggunakan bahan tambahan pengajaran sendiri untuk mempelbagaikan aktiviti lisan seperti surat khabar, laporan, audio, dan visual. Bahan berinteraktif yang disediakan mampu menarik minat pelajar dan menjadikan kuliah tidak membosankan. Contoh bahan yang digunakan semasa kuliah dalam talian ialah petikan video berita dari Astro Awani, petikan akhbar dari sumber Bernama dan Berita Harian, dan petikan audio Ulasan Berita dari RTM. Rajah 1 menunjukkan buku teks yang digunakan dalam kuliah Bahasa Melayu Lisan 1.


国家级教学成果二等奖系列教材 亚非语言文学国家特色专业建设点系列教材 BAHASA MELAYU 马来语口语教程 谈笑◎编著 CD-ROM	目录 KANDUNGAN Pelajaran ke-1 Lafaz (1) 第1课 语音导论(一) 1 Pelajaran ke-2 Lafaz (2) 第2课 语音导论(二) 8 Pelajaran ke-3 Tegas Sapa 第3课 问候 13 Pelajaran ke-4 Berkenalan 第4课 介绍 23 Pelajaran ke-5 Melawat 第5课 拜访 32 Pelajaran ke-6 Berpisah 第6课 告别 43 Pelajaran ke-7 Masa dan Tarikh 第7课 日期和时间 54 Pelajaran ke-8 Musim dan Cuaca 第8课 季节和气候 66 Pelajaran ke-9 Menelefon 第9课 打电话 77	Pelajaran ke-10 Bertanyakan Jalan 第10课 问路 88 Pelajaran ke-11 Membeli-Selah 第11课 购物 100 Pelajaran ke-12 Di Pejabat Pos 第12课 在邮局 112 Pelajaran ke-13 Di Restoran 第13课 在餐馆 123 Pelajaran ke-14 Di Hotel 第14课 在酒店 135 Pelajaran ke-15 Kegiatan Sukan 第15课 体育活动 145 Pelajaran ke-16 Melancong di Malaysia 第16课 在马来西亚旅游 155 Pelajaran ke-17 Melancong di China 第17课 在中国旅游 166 Pelajaran ke-18 Menumpang Keretapi dan Kapal Terbang 第18课 乘坐火车和飞机 181 Pelajaran ke-19 Di Klinik/Hospital 第19课 在诊所/医院 192 Pelajaran ke-20 Di Bank 第20课 在银行 204 CD-ROM使用说明 215
---	---	--

Rajah 1. Buku Teks Bahasa Melayu Lisan 1

Pembelajaran Interaktif Menggunakan Aplikasi

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran maya yang berlangsung antara mahasiswa di China dan pensyarah di Malaysia, beberapa aplikasi telah digunakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Antara aplikasi utama yang digunakan oleh mahasiswa Jabatan Bahasa Melayu ialah *Tencent Meeting* dan *Wechat*. Aplikasi ini menjadi platform digital terkemuka sepanjang pandemik Covid-19 ini. *Tencent Meeting* merupakan satu aplikasi yang dibangunkan oleh *Tencent Cloud* dari China dan telah menawarkan versi antarabangsa kepada lebih 100 negara dan wilayah di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Pensyarah dan mahasiswa boleh mencari *VooV Meeting* atau *Tencent Meeting* dan memuat turun aplikasi ini kerana aplikasi ini menawarkan ciri yang membolehkan persidangan dalam talian dengan lebih 300 peserta pada satu-satu masa secara percuma. *Tencent Meeting* ini digunakan semasa kelas maya berlangsung dengan mengendalikan kuliah secara langsung.


Kuliah bahasa Melayu yang menggunakan *Tencent Meeting* ini dapat digunakan untuk berinteraksi secara langsung antara pensyarah dan pelajar. *Tencent Meeting* ini digunakan semasa kelas maya berlangsung dengan mengadakan kuliah secara 'live'. Banyak ciri menarik yang disediakan dalam *Tencent Meeting* ini seperti perkongsian skrin, butang rekod, kedatangan, ruang sembang, dan ruang kumpulan kecil. Ciri-ciri ini telah menjadikan kuliah maya menjadi lebih menarik dan interaktif. Rajah 2 menunjukkan contoh paparan skrin dalam *Tencent Meeting*.



Rajah 2. Paparan Aplikasi Tencent Meeting semasa Kuliah Bahasa Melayu Lisan (2)

Selain itu, Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa dan Budaya Asia juga telah memulakan penubuhan kursus SPOC Penterjemah Lisan Bahasa Melayu Ke-2 di platform <https://www.icourse163.org/> (中国大学 MOOC) sejak tahun akademik 2021. Pembangunan kursus melalui *Tencent Meeting* pada tahun akademik yang lalu disebabkan kawalan pemerintahan semasa wabak Covid-19. Pensyarah SPOC telah menggunakan platform tersebut untuk menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan video dan soalan latihan dibahagikan kepada beberapa unit. Pensyarah dapat mengubah urutan kursus dan menyemak kerja rumah pelajar pada bila-bila masa sahaja. Kursus SPOC GDUFS dan sumber kursus MOOC di platform tersebut diselit masuk untuk menyesuaikan keperluan pelajar. Sebanyak 16 unit bagi 16 minggu mengikut kalender akademik telah menggabungkan pengajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Pelajar dan pensyarah dapat menikmati kebebasan dan hak yang lebih besar dan pengurusan sendiri.

Seterusnya, *Wechat* pula digunakan untuk memuat naik nota-nota kuliah, perkongsian bahan pengajaran, latihan, dan tugas. Kumpulan kelas dalam *Wechat* juga diwujudkan untuk memudahkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Selain itu, e-mel juga turut digunakan bagi menghantar video mahupun bahan yang lebih besar saiznya. Pensyarah menggunakan aplikasi *Wechat* untuk menghantar dan menerima tugas pelajar. Nota-nota kuliah dimuat naik menggunakan aplikasi ini bagi memudahkan urusan dan proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 3 menunjukkan kumpulan *Wechat* yang digunakan untuk menghantar latihan dan bahan kepada pelajar. Bahan pengajaran dalam format audio dan video juga dihantar melalui *Wechat* dalam kumpulan kelas. Penggunaan *Wechat* ini merupakan pilihan utama bagi pensyarah dan pelajar bagi memudahkan proses perkongsian bahan pengajaran. Pensyarah akan merakam audio dan berkongsi video pengajaran bagi setiap sesi kuliah. Para pelajar boleh merujuk pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja bahan yang diberi oleh pensyarah untuk mengukuhkan dan memantapkan pengetahuan mereka. Hal ini mendorong kepada pembelajaran sendiri yang tinggi dalam diri pelajar.



Rajah 3. Aplikasi Wechat dan Paparan Kumpulan Kelas di Wechat

Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu

Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing ini memerlukan pensyarah yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan agar kuliah dapat dilaksanakan secara berkesan. Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menyediakan bahan pengajaran agar dapat menjana corak pemikiran pelajar dan menjadikan suasana pembelajaran lebih interaktif dan produktif. Penggunaan teknologi yang canggih dan bahan interaktif seperti video, audio, iklan, gambar, petikan berita, dan lain-lain turut disediakan. Pensyarah akan menyediakan bahan interaktif terutamanya bagi subjek Bahasa Melayu Lisan, Audio Visual dan sebagainya untuk menarik minat pelajar. Antaranya termasuklah petikan video berita dari Astro Awani dan TV3, surat khabar dalam talian (Berita Harian dan Bernama), drama televisyen berbahasa Melayu, dan lagu-lagu Melayu.

Pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat awal dimulakan dengan memperkenalkan sistem bunyi bahasa Melayu yang berfokuskan pada aspek-aspek fonologi. Pelajar didedahkan dengan huruf-huruf dan bunyi-bunyi bahasa Melayu melalui video-video yang disediakan oleh pensyarah. Huruf vokal, konsonan, dan diftong diterangkan dengan memberikan contoh tentang cara sebutan kepada pelajar. Seterusnya, pelajar juga dilatih untuk mengenali bunyi-bunyi bahasa, menyebut perkataan, membaca ayat-ayat ringkas, perbualan dan komunikasi dua hala, ucapan dan pertuturan, dan sebagainya. Bagi pelajar yang baru mempelajari bahasa Melayu, pensyarah memperkenalkan lagu yang menggunakan sistem fonik, misalnya lagu “Abu Ada Ayam” yang boleh dimuat turun dari laman Youtube FBH Channel. Selain itu, lagu-lagu rakyat turut dijadikan latihan semasa kuliah dalam talian misalnya lagu “Oh Wau Bulan”, “Bangau oh Bangau” dan “Rasa Sayang”. Pelajar ikut menyanyi bagi melatih kemahiran sebutan di samping memahami unsur budaya masyarakat Melayu. Rajah 4 menunjukkan huruf-huruf bahasa Melayu yang dikenalkan kepada pelajar pada peringkat awal pembelajaran Bahasa Melayu.

元音 (Vokal)			
元音符号	舌位	口腔开闭程度	嘴唇形状
a	中央	开 (低)	半开唇
e	前低	半开 (中低)	平唇
é	中央	半闭 (中央)	半开唇
i	前高	闭 (高)	平唇
o	后低	半开 (中低)	圆唇
u	后高	闭 (高)	小圆唇

复合元音 (Diftong)			
发复合元音时，口形要变化。发音时，第一个音要强而长，第二个音要弱而短，中间不能停顿。			
ai	au	oi	
a··i	a··u	o··i	

辅音 (Konsonan)							
发音部位		双唇音	舌尖音	舌叶音	舌面音	舌根音	唇齿音
发音方法							
塞音	清音	p		t		k (q)	
	浊音	b		d		g	
擦音	清音		s		sy		f
	浊音		z (x)				v
塞擦音	清音				c	kh	
	浊音				j	gh	
鼻音		m		n	ny	ng	
颤音				r			
边音				l			
半元音		w		y			

Rajah 4. Bunyi Vokal, Diftong, dan Konsonan Bahasa Melayu

Pada peringkat seterusnya, pensyarah mengajar para pelajar untuk membaca berita dan bersajak. Pelajar diberikan rakaman video sebagai panduan membaca berita dan bersajak. Bagi latihan bacaan berita, pensyarah meminta pelajar untuk membacakan sebuah berita yang telah dipilih dengan mengikut intonasi sebagai seorang pemberita. Hal ini telah melatih pelajar bukan sahaja menyebut perkataan dan ayat, malah pelajar didedahkan tentang cara seseorang pemberita menyampaikan berita. Bagi latihan

bersajak pula, pensyarah meminta para pelajar menonton rakaman berkaitan sajak dan mengajar pelajar untuk bersajak dengan baik. Pensyarah meminta pelajar menyampaikan sajak masing-masing dengan memilih tajuk yang bersesuaian dalam bentuk rakaman video. Pensyarah juga telah menggalakkan pelajar untuk menyertai pertandingan sajak dan hasilnya pelajar telah memenangi pertandingan sajak sebagai johan dan naib johan dalam peringkat antarabangsa. Rajah 5 menunjukkan pelajar yang sedang mendeklamasikan sajak masing-masing.



Rajah 5. Pelajar menyertai pertandingan Deklamasi Sajak

Latihan dan Kaedah Penilaian Berterusan

Latihan mingguan, ujian berkala, kuiz, tugas individu dan berkumpulan secara maya telah dilakukan sepanjang semester. Pelajar perlu menghantar semua tugas tersebut bagi penilaian berterusan. Penilaian untuk mengukur tahap pencapaian pelajar ini telah dilaksanakan secara dalam talian. Contohnya, tugas dalam bentuk video dan audio dihantar kepada pensyarah menggunakan medium yang sesuai, iaitu *Wechat*. Hal ini dilihat dapat meningkatkan kreativiti pelajar dalam menghasilkan video seperti ucapan hari raya, nyanyian lagu Melayu, perkongsian diari harian, dan penghasilan video kreatif berbentuk cerita dan dokumentari. Bagi memastikan kelancaran penilaian, pensyarah perlu menyediakan soalan dan arahan yang jelas dan lengkap agar tidak timbul masalah kelak. Bagi tugas kumpulan, pelajar dapat memainkan watak masing-masing dengan menggunakan bahasa Melayu.

Pembentangan, Syarahan, dan Diskusi Interaktif

Bagi pelajar peringkat universiti, pembentangan, syarahan, dan diskusi sering dilakukan di dalam bilik kuliah. Namun pada era pandemik ini, aktiviti ini terpaksa dilakukan secara dalam talian dan keadaan ini telah menjadi norma baharu bagi mereka. Sepanjang kuliah maya ini berlangsung, pensyarah sering mengadakan aktiviti ucapan secara spontan, berdiskusi dan pembentangan maya bagi mewujudkan komunikasi dua hala dan menjadikan pembelajaran lebih berinteraktif. Pembentangan individu dan berkumpulan secara langsung semasa kuliah maya dapat menonjolkan kreativiti pelajar dan kesungguhan pelajar dalam persembahan mereka. Pelbagai bentuk PPT, gambar, mahupun video yang dikongsikan oleh pelajar amat menarik. Contoh aktiviti maya dapat dilihat seperti dalam Rajah 6 di bawah.

Mendengar Secara Interaktif

Mendengar secara interaktif ini melibatkan kedua-dua belah pihak, iaitu pensyarah dan pelajar. Masing-masing memainkan peranan secara aktif semasa kuliah secara maya sedang berlangsung. Semasa aktiviti mendengar interaktif, pelajar boleh mencelah dengan mengemukakan beberapa soalan atau pertanyaan kepada pensyarah bagi mencari jawapan, pengulangan, dan pengucapan semula dengan hanya menekan satu butang dan membuka mikrofon. Semasa kuliah dalam talian berlangsung, pelajar berpeluang untuk mendengar secara interaktif melalui perbualan yang berlaku antara pensyarah dan pelajar lain, hal ini dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar mereka. Mereka akan memasang telinga untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam kuliah tersebut.

11

Keberkesanan Pembelajaran Interaktif dalam Kalangan Penutur Asing

Pembelajaran dalam talian ini memberi kesan positif dan juga kesan negatif. Hasil tinjauan terhadap pelajar mendapati bahawa keberkesanan serta penghayatan pelajar dalam PdP secara maya ini adalah berada pada tahap yang memuaskan. Gangguan internet yang kadang-kadang berlaku mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam kuliah Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, pembelajaran bahasa Melayu memerlukan pelajar sentiasa melibatkan diri dan bersikap aktif dengan bercakap dan berinteraksi. Jika gangguan internet berlaku, hal ini boleh menyebabkan pensyarah dan pelajar rasa tersekat dan terganggu. Apabila proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara maya, pelajar tidak lagi boleh bergantung kepada pensyarah semata-mata sebagai sumber ilmu. Pelajar perlu membuka minda dan lebih berfokus untuk meneliti setiap bahan pengajaran yang disediakan. Pelajar juga digalakkan mencari sumber bahan yang tepat dan sesuai seperti nota atau buku elektronik, video dan audio, berita dan maklumat terkini, dan platform pembelajaran terbuka yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Interaksi yang wujud dalam pembelajaran maya membolehkan pelajar berkongsi pendapat dan bersuara di dalam kelas, atau menyatakan pendapat di dalam kumpulan. Perbincangan interaktif mereka tidak akan terhad di dalam kuliah maya sahaja, malah boleh diteruskan pada bila-bila masa sahaja.

Motivasi dan Prestasi Pelajar

Tugas pensyarah bukan hanya sekadar mengajar sahaja, malah pensyarah perlu sentiasa memberi kata-kata semangat agar pelajar yang mempelajari bahasa asing ini sentiasa bermotivasi untuk terus mempelajari bahasa Melayu. Motivasi merupakan satu elemen penting bagi memaksimumkan keberhasilan dalam menuntut ilmu terutamanya ketika pembelajaran dalam maya dijalankan. Pelajar asing yang mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan diri, penampilan diri yang baik dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai peluang kejayaan besar untuk menguasai bahasa asing. Oleh itu, pensyarah perlu memainkan peranan bagi meningkatkan motivasi pelajar terutamanya dalam norma baharu ini. Pensyarah perlu memberikan motivasi luaran (*instrumental motivation*) kepada pelajar agar mempelajari bahasa Melayu dengan sebaiknya. Penguasaan bahasa Melayu yang baik kelak dapat memberi faedah dan pengaruh kepada pelajar untuk mendapat pekerjaan yang baik dan menyambung pelajaran pada masa hadapan.

5. Kesimpulan

Pandemik Covid-19 ini telah membawa arus perubahan kepada sistem pendidikan di seluruh negara termasuklah di Malaysia dan China. Disebabkan keadaan pandemik yang berterusan ini, pendidikan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, oleh itu pensyarah dan pengajar perlu bergerak seiring dengan keadaan semasa ini. Pensyarah memainkan peranan penting untuk memastikan pelajar melibatkan diri secara aktif dan bersikap kreatif semasa mempelajari kemahiran berbahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan kesan yang amat bermakna dalam perkembangan kuliah secara maya pada hari ini. Hal ini kerana pembelajaran interaktif dalam kuliah bahasa Melayu ini akan melibatkan pelajar berbanding dengan pendekatan tradisional yang lebih berorientasikan pensyarah. Pembelajaran secara maya ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperkembangkan kreativiti dan tanggungjawab peribadi mereka. Kedua-dua pihak, iaitu pensyarah dan pelajar perlu memanfaatkan kemajuan teknologi hari ini dan sentiasa menggunakan kemudahan internet dengan cara yang lebih kompeten dan bijak. Kuliah secara maya ini merupakan usaha yang amat penting bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran interaktif amat dititikberatkan agar pembelajaran bahasa asing ini lebih menarik dan tidak lesu. Penguasaan ilmu yang baharu dan kepelbagaian pedagogi perlu dilakukan mengikut peredaran zaman agar dapat mewujudkan suasana yang lebih ceria dan berinovasi. Pembelajaran interaktif dan teknologi internet serta pedagogi yang digunakan mampu membantu keupayaan pembelajaran dan perkembangan setiap pelajar.

Penghargaan

Artikel ini telah dibiayai oleh Geran Inovasi Ph.D (GIP) [UMG006K-2022] di bawah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Rujukan

- Harlina Ishak, Zubaidah Mat Nor & Ainee Ahmad. (2017). *Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot dalam Pengajaran Abad Ke-21*. Buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21. Institut Pendidikan Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Omar. (2019). Kemahiran komunikasi penutur asing: Aplikasi pendekatan telefon pintar dan internet. *Jurnal Komunikasi*. 35(4). 353-367.
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol.21 (2)
- Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi (ed). (1995). *Metode Penelitian Survei*. Jakarta: LP3ES
- Mazlina Ahmad, Cho Min Sung, Hafizah Abdul Hamid & Roswati Abdul Rashid. (2023). Penukaran Kod dalam Adaptasi Komunikasi Pelajar Jurusan bahasa Melayu – bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea. *Jurnal Linguistik* Vol. 27 (1).
- Mohamad Ikmal Abdul Aziz, Marzni Mohamed Mokhtar, Md Mustakim Md Usman & Mohamad As Syafie Aziz. (2022). Penguasaan Kemahiran Lisan Bakal Guru Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Masalah Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 4 (2), 103-114.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan, & Ch'ng Pei Eng. (2020). Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19. *Creative and Innovation Teaching Practices During Covid-19 Movement Control Order (MCO)*, Volume 1, 23-30.
- Nor Hafidah, Melor Fauzita & Norzaliza Ghazali, 2016. Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Pengurusan (SBLM 1053) Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA: 583-586.
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid. (2021). Kajian Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran dalam Talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan Membendung COVID-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*. 3 (1), 195-202.
- Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Perisian Multimedia Dalam Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu Tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1) : 1-16.
- Nur Fadilah Abdul Basit et. Al. (2015). Pembelajaran Interaktif e-Learning Mencorakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On. Islamic And Arabic Education And Civilization*.
- Nur Hafizah Razali dan Fariza Khalid. (2021). Penggunaan aplikasi pembelajaran mudah alih dalam pembelajaran matematik bagi pelajar sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(6), 73-85.
- Olasile Babatunde Adedoyin & Emrah Soykan. (2020). Covid-19 Pandemic Online Learning: The Challenges and Opportunities. *Interactive Learning Environments*. DOI : 10.1080/10494820.2020.1813180
- Park, Ji Yong. (2008). iLED : Interactive Learning Experience Design. *Journal of Online Learning and Teaching*, 4(3), 357-370.
- Patton, R. and Spear, R. (1980). Stomatal influences on white pine blister rust infection. *Phytopath. Medit*, 19:1-7.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar- pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-209.
- Sharpless, Taylor and Vavoul. (2007). *A Theory of Learning for the Mobile Age. The Sage Handbook of Elearning Research*: Sage publications.
- Siti Balqis Mahlan & Munirah Hamat. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *e-Learning@CS*, 14-22.
- Yahya Othman (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. PTS Publication Sdn.Bhd.

Biodata Penulis

Zaiton Zakarya bertugas sebagai Pensyarah Asing di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Pengajian Asing Guangdong, China. Penulis sedang melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah (Ph.D) di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam bidang Linguistik.

Prof. Madya Dr. Salinah Ja'afar merupakan pensyarah berjawatan Profesor Madya yang berpengalaman dalam bidang Bahasa dan Linguistik, Terjemahan, E-Pembelajaran, syarahan, pembangunan kurikulum, dan teknologi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dr. Mardian Shah Omar ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Memiliki BA (Kepujian) dalam Pengajian Melayu dari Universiti Sains Malaysia, MA in Linguistics dari University of Leeds, United Kingdom dan Ph.D dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Madya Dr. Li Wanjun merupakan pensyarah berjawatan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Pengajian Asing Guangdong, China. Beliau merupakan ahli jawatankuasa pakar terjemah China CATTI Bahasa China-Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu-Bahasa China serta banyak menerbitkan karya terjemahan BM-BC.